

SULIT
1103/1
Bahasa
Melayu
Kertas 1
Ogos/September
2016

1103/1



2¼ jam

MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2016

PERATURAN PEMARKAHAN**BAHASA MELAYU**

Kertas 1

Dua Jam lima belas minit

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 14 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah
SULIT

PEPERIKSAAN SIJIL PENDIDIKAN MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 1 2016
Bahagian A : Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan
(30 markah)

Perincian Pemarkahan Bahagian A

Karangan berdasarkan bahan rangsangan

1. Pemeriksa akan memeriksa karangan secara holistik dengan berpandukan kriteria yang ditetapkan.
2. Karangan dinilai dari segi pendahuluan, perenggan isi dan penutup. Calon mestilah mengemukakan sekurang-kurangnya tiga isi.
3. Markah karangan akan dinilai oleh pemeriksa secara holistik. Langkah-langkah yang dilakukan semasa pemeriksaan adalah seperti yang berikut:-
 - a. Pemeriksa akan membaca karangan dengan teliti untuk mendapatkan kesan daripadanya. Selepas itu, pemeriksa akan menilai dan menganggarkan tahap karangan itu agar dapat dimasukkan ke dalam peringkat tertentu mengikut kriteria yang ditetapkan.
 - b. Selepas itu, pemeriksa akan membaca karangan tersebut untuk kali kedua sambil menurunkan tanda-tanda pemeriksaan dan menetapkan markah berdasarkan kriteria-kriteria penskoran.
 - c. Karangan yang kurang daripada 200 patah perkataan akan diperiksa seperti biasa oleh pemeriksa. Namun demikian, markah keseluruhan akan terjejas disebabkan calon tidak dapat memenuhi kehendak soalan, iaitu karangan perlu ditulis antara 200 hingga 250 patah perkataan.

SOALAN:

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang manfaat-manfaat bekerja sambil semasa menunggu keputusan peperiksaan SPM kepada remaja. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

Kehendak soalan

1. Calon perlu menghuraikan manfaat-manfaat bekerja sambil semasa menunggu keputusan peperiksaan SPM kepada remaja.
2. Calon mesti menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan
 - menimba pengalaman baharu.
 - meningkatkan kemahiran berkomunikasi
 - memperoleh sumber pendapatan sendiri
3. Sekiranya calon menambahkan isi keempat dan berkaitan dengan manfaat bekerja sambil semasa menunggu keputusan SPM, isi tersebut boleh diterima.
4. Soalan yang dikemukakan ialah “kepada remaja” tetapi jika calon menulis manfaat kepada masyarakat atau secara umum sahaja – dari segi tugas, menepati tugas dan impresi turun sedikit – markah maksimum peringkat **Kepujian (20 – 25)**.
5. Jika calon hanya menulis pekerjaan yang dilakukan tanpa menyentuh manfaat daripada pekerjaan tersebut, markah maksimum **Kurang memuaskan (10 – 14)**.
6. Sekiranya calon tidak mengambil langsung isi yang diberikan, maksimum peringkat **Kepujian (20-25)**.
7. Sekiranya calon mengambil 1 isi yang diberikan dan ditambah dengan 2 isi yang lain, periksa seperti biasa dan layak diberikan **Cemerlang (26-30)**.
8. Dalam konteks penandaan pemeriksa boleh mengabaikan arahan panjang karangan antara 200 hingga 250 patah perkataan, sebaliknya berpegang pada masa menjawab 45 minit kerana kita tidak mahu menyekat daya kreativiti calon di samping memberikan keyakinan kepada calon yang tidak mempunyai kemampuan untuk menulis dengan lebih panjang.
9. **Komen Pemeriksa:**
 - T = Tugas
 - I = Idea
 - B = Bahasa

Contoh penulisan komen:

9.1 **Cemerlang (27 markah)**

- T - karangan menepati tugas
- I - idea relevan dan idea dihuraikan dengan jelas serta matang
- B - bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan kosa kata luas dan tepat

9.2 **Kepujian (23 markah)**

- T - karangan menepati tugas
- I - idea relevan dan dihuraikan dengan jelas
- B - bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan kosa kata luas

9.3 **Memuaskan (18 markah)**

- T - karangan masih menepati tugas
- I - idea masih relevan dan huraian idea masih jelas. Huraian idea masih tersusun dan berfokus
- B - bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan kosa kata umum

9.4 **Kurang Memuaskan (11 markah)**

- T - karangan kurang menepati tugas
- I - idea kurang relevan dan huraian idea kurang jelas.
- B - bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan kosa terhad

9.5 **Pencapaian Minimum (06 markah)**

- Keseluruhan karangan tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. Idea tidak menepati tugas.

BAHASA MELAYU KERTAS 1 (1103/1)

PENSKORAN KARANGAN BAHAGIAN A

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26 – 30 (28 – 30) (26 – 27)	<ul style="list-style-type: none"> - menepati tema bahan rangsangan - bahasa gramatis dari segi kata dan ayat - penggunaan tanda baca betul dan tepat - penggunaan kosa kata luas dan tepat - wacana lengkap, unsur bahasa bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik - idea relevan, huraian jelas dan matang
Kepujian	20 – 25 (23 – 25) (20 – 22)	<ul style="list-style-type: none"> - menepati tema bahan rangsangan - bahasa gramatis dari segi kata dan ayat - penggunaan tanda baca betul dan tepat - penggunaan kosa kata luas - wacana lengkap, unsur bahasa bervariasi - idea relevan, huraian jelas
Memuaskan	15 – 19 (17 – 19) (15 – 16)	<ul style="list-style-type: none"> - masih menepati tema bahan rangsangan - bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat - penggunaan tanda baca masih betul dan tepat - penggunaan kosa kata umum - wacana masih lengkap, unsur bahasa masih bervariasi - idea masih relevan, huraian masih jelas
Kurang Memuaskan	10 -14 (12 – 14) (10 – 11)	<ul style="list-style-type: none"> - masih/kurang menepati tema bahan rangsangan - bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat - kesalahan tatabahasa/ ejaan ketara - penggunaan kosa kata terhad - wacana kurang lengkap, unsur bahasa kurang bervariasi - idea masih/ kurang relevan, huraian masih/ kurang jelas
Pencapaian Minimum	01 – 09 (06 – 09) (01 – 05)	<ul style="list-style-type: none"> - murid tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis - murid tidak memahami tema bahan rangsangan - idea tidak menepati tema bahan rangsangan

Perlu Diberi Perhatian

1. Adakah calon menjawab tugas? (tema)
2. Adakah idea calon relevan mengikut tugas?
3. Adakah penggunaan bahasa calon lancar, bervariasi dan mempunyai ungkapan?

Catatan :

- Tiada pemotongan markah bagi setiap kesalahan ejaan
- Calon digalakkan menggunakan ungkapan menarik (peribahasa, kata-kata hikmat, petikan hadis, slogan, petikan ucapan, pantun, maksud Al Quran dan sebagainya)

PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 1 – KARANGAN BAHAGIAN B
Bahagian B: Karangan Respons Terbuka
[100 markah]

Cara Pemeriksaan :

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
2. Jika karangan :
 - a) Kurang daripada 350 perkataan, periksa seperti biasa.
 - b) Terlalu panjang – periksa seperti biasa hingga ke akhir karangan.
3. Kesalahan format hendaklah ditolak maksimum 2 markah.
4. Kesalahan ejaan hendaklah ditolak $\frac{1}{2}$ markah dan pemotongan maksimum ialah sebanyak 3 markah. Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan yang berulang.
5. Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

()	= Kesalahan isi
—	= Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan
/	= Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)
//	= Kesalahan ejaan yang berulang
○	= Kesalahan tanda baca

KRITERIA DAN DESKRIPSI

KRITERIA	DESKRIPSI
BAHASA (Mekanis)	<ul style="list-style-type: none"> • Kegramatisan <ul style="list-style-type: none"> - kata (morfologi) - ayat (sintaksis) • Tanda baca • Ejaan
LARAS (Dinamis)	<ul style="list-style-type: none"> • Pemilihan kosa kata
IDEA (ISI)	<ul style="list-style-type: none"> • Tema • Isi utama • Pengembangan (huraian/ bahasa/ hujahan/ contoh) • Kerelevanan
PENGOLAHAN	<ul style="list-style-type: none"> • Wacana • Logik • Pemerenggan • Format
GAYA BAHASA	<ul style="list-style-type: none"> • Keindahan bahasa • Ungkapan • Peribahasa

PENSKORAN KARANGAN BAHAGIAN B

PERINGKAT/ MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG 80 – 100 A - (90 – 100) B - (80 – 89)	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. • Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis. • Ejaan dan tanda baca betul. • Laras bahasa sesuai dengan tugas. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Idea yang relevan mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai. • Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. • Penggunaan unsur bahasa bervariasi. • Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.

PERINGKAT/ MARKAH	KRITERIA
<p>KEPUJIAN 66 – 79</p> <p>A - (73 – 79) B - (66 – 72)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. • Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Ejaan dan tanda baca betul. • Laras bahasa sesuai dengan tugas. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Idea yang relevan mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai. • Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Gaya bahasa masih menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.
<p>BAIK 51 – 65</p> <p>A - (58 – 65) B - (51 – 57)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai. • Penggunaan pelbagai ayat majmuk gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Ejaan dan tanda baca masih betul. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas. • Penggunaan kosa kata umum. • Idea masih relevan mengikut tugas, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai. • Wacana masih lengkap. • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa. • Penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa kurang berkesan.
<p>MEMUASKAN 36 – 50</p> <p>A - (43 – 50) B - (36 – 42)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis kata terhad. • Penggunaan ayat yang kurang gramatis. • Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Laras bahasa kurang sesuai dengan tugas. • Idea masih relevan mengikut tugas, namun huraian isi kurang jelas disertakan dengan contoh yang kurang sesuai. • Pengolahan kurang menarik dan pemerenggan kurang sesuai. • Wacana masih/kurang lengkap. • Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi. • Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa. • Penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa kurang berkesan.

PERINGKAT/ MARKAH	KRITERIA
<p>KURANG MEMUASKAN 21 – 35</p> <p>A - (28 – 35) B - (21 – 27)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis kata kurang tepat. • Penggunaan pelbagai ayat tidak gramatis tetapi masih difahami. • Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. • Idea masih relevan/bercampur aduk mengikut tugas. • Huraian isi tidak jelas/tidak berkembang, disertakan dengan contoh yang tidak sesuai. • Pengolahan tidak menarik dan pemerenggan tidak seimbang. • Wacana tidak lengkap. • Penggunaan unsur bahasa tidak bervariasi. • Gaya bahasa lemah dari segi keindahan bahasa. • Penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa lemah.
<p>PENCAPAIAN MINIMUM 01 – 20</p> <p>A - (11 – 20) B - (01 – 10)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Keseluruhan penggunaan kata dan ayat tidak gramatis. • Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. • Idea yang bercampur aduk. • Huraian tidak jelas/tidak berkembang. • Contoh tidak sesuai. • Pengolahan tidak menarik. • Pemerenggan tidak seimbang dan tidak sesuai. • Wacana tidak lengkap. • Gaya bahasa lemah dan tidak menarik dari segi keindahan bahasa. • Penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa lemah dan tidak menarik. • Keseluruhan karangan sukar/tidak difahami

Perlu Diberi Perhatian

1. Adakah calon menjawab tugas? (tema)
2. Adakah idea calon relevan mengikut tugas?
3. Adakah penggunaan bahasa calon lancar, bervariasi dan mempunyai ungkapan?

SOALAN 1

Aktiviti kokurikulum seperti sukan, kem kepimpinan dan program kerohanian merupakan aspek penting dalam melahirkan remaja yang serba boleh.

Huraikan kepentingan-kepentingan tersebut.

DIMENSI : **INDIVIDU**
SKOP : **Ambang Remaja (Unit 2 Tingkatan 4)**

- a. **Format** : **Tiada**
- b. **Diharapkan calon dapat :**
Menghuraikan kepentingan-kepentingan aktiviti kokurikulum seperti sukan, kem kepimpinan dan program kerohanian yang dapat melahirkan remaja yang serba boleh.
- c. **Kemungkinan :**
- i. Calon hanya menghuraikan isi secara umum sahaja tanpa mengaitkan tiga aspek yang dinyatakan dalam soalan – **Baik Bawah (51-57)**
 - ii. Calon menghuraikan ketiga-tiga aspek tetapi tidak mengaitkan dengan fokus soalan (melahirkan remaja yang serba boleh) – **Baik Atas (58-65)**
 - iii. Calon hanya menghuraikan isi dengan mengaitkan salah satu aspek sahaja – **Baik Atas (58-65)**
 - iv. Calon hanya menghuraikan langkah-langkah untuk melahirkan pelajar yang serba boleh tetapi tidak menghuraikan kepentingan-kepentingan aspek-aspek yang dinyatakan – **Memuaskan Atas (43-50)**
- d. **Isi cadangan :**
- i. Aktiviti sukan melahirkan remaja yang cergas dari segi fizikal
 - ii. Aktiviti sukan mampu membentuk disiplin diri remaja
 - iii. Aktiviti sukan menyeimbangkan aspek kognitif, emosi dan kemahiran psikomotor remaja
 - iv. Kem kepimpinan memupuk bakat kepimpinan / membina keyakinan diri remaja / memupuk pemuafakatan / kerjasama dalam kumpulan
 - v. Kem kepimpinan membina keterampilan diri remaja / pembentukan personaliti diri remaja
 - vi. Program kerohanian berupaya membentuk sahsiah terpuji
 - vii. Program kerohanian membentuk kekuatan dalaman yang dapat menangkis gejala negatif / masalah sosial

SOALAN 2

Kecuaian ibu bapa sering dikaitkan dengan pelbagai kejadian kemalangan yang melibatkan kanak-kanak.

Ulaskan pernyataan di atas.

DIMENSI : **KELUARGA**
SKOP : **Remaja dan Keluarga (Unit 2 Tingkatan 4)**

- a. **Format** : Tiada
- b. **Diharapkan calon dapat :**
Mengulas faktor-faktor berlakunya kejadian kemalangan yang melibatkan kanak-kanak akibat kecuaiian ibu bapa dengan memberikan contoh yang sesuai.
- c. **Kemungkinan :**
- i. Calon menghuraikan kejadian kemalangan akibat kecuaiian ibu bapa di rumah sahaja - diterima.
 - ii. Calon menghuraikan faktor kecuaiian ibu bapa dan faktor-faktor lain sebagai punca berlakunya kejadian kemalangan terhadap kanak-kanak. Sekiranya isi kecuaiian ibu bapa lebih dominan (nisbah 3:2, 4:1) - **Kepujian (66 - 79)**
 - iii. Calon mengemukakan isi berkaitan sikap anak yang degil – isi bercampur aduk - **Memuaskan (36 - 50)**
 - iv. Calon menjelaskan faktor lain tanpa mengaitkan kecuaiian ibu bapa yang menyebabkan berlakunya kejadian kemalangan terhadap kanak-kanak - **Memuaskan (36 - 50)**
- d. **Isi cadangan :**
- i. Kecuaian ibu bapa dalam menyerahkan tanggungjawab menjaga anak kepada pengasuh /orang gaji / pihak lain.
 - ii. Kecuaian ibu bapa dalam mengawal aktiviti dan pergerakan anak-anak di tempat awam.
 - iii. Kecuaian ibu bapa dalam memastikan kawasan persekitaran selamat (peralatan tajam, bahan beracun, barangan elektrik, tangga yang tidak berpagar, lantai yang licin).
 - iv. Sikap ibu bapa yang tidak peka dengan situasi yang membahayakan kanak-kanak.
 - v. Sikap ibu bapa yang tidak memberikan panduan dan bimbingan berkaitan keselamatan (penggunaan peralatan elektrik, peralatan tajam).

SOALAN 3

Selaku Pegawai Kesihatan Daerah, anda diminta untuk menyampaikan ceramah yang bertajuk 'Kesan-kesan pengambilan pelbagai produk makanan kesihatan kepada masyarakat'.

Sediakan teks ceramah anda selengkapnya.

DIMENSI : MASYARAKAT
SKOP : Kesihatan Sepanjang Hayat (Unit 9 Tingkatan 5)

- a. **Format** : Ceramah
- i. Jika tiada : kata menghadap majlis / kata alu-aluan - 1 markah
kata sapaan - 1 markah
penutup - 1 markah
(maksimum – tolak 2 markah)
- b. **Diharapkan calon dapat :**
Menjelaskan kesan-kesan pengambilan pelbagai produk makanan kesihatan kepada masyarakat.
- c. **Kemungkinan :**
- i. Calon menulis kesan baik atau kesan buruk atau kedua-duanya – diterima
ii. Jika calon tidak menulis berdasarkan format ceramah walaupun karangan tersebut sangat cemerlang – tidak boleh diberikan markah cemerlang. Maksimum - **Kepujian (66 – 79)**
iii. Calon hanya menjelaskan jenis-jenis produk kesihatan di pasaran sahaja tanpa menjelaskan kesan-kesannya - **Kurang Memuaskan (21 – 35)**
- d. **Isi cadangan :**
- i. Pengambilan makanan kesihatan secara konsisten dapat mencegah pelbagai penyakit kronik.
ii. Mempelbagaikan pilihan pengguna untuk mendapatkan rawatan/kesihatan.
iii. Dapat meningkatkan tahap kecerdasan/imunisasi seseorang.
iv. Dapat meningkatkan keyakinan diri.
v. Menjadi punca penyakit sekiranya diambil secara berlebihan.
vi. Pengambilan produk kesihatan tanpa mendapatkan khidmat nasihat doktor akan memudaratkan kesihatan.
vii. Kerosakan organ dalaman sekiranya tidak dikawal penggunaanya/bahan kimia yang berlebihan.
viii. Masyarakat akan pasif untuk melakukan aktiviti senaman.
ix. Berlakunya pembaziran dan kerugian jika produk tersebut tidak berkesan.

SOALAN 4

Aktiviti pelancongan merupakan trend terkini masyarakat dunia yang gemar akan keindahan dan keunikan sesuatu destinasi pelancongan.

Bincangkan kelebihan destinasi-destinasi pelancongan tersebut.

DIMENSI : ANTARABANGSA
SKOP : Kebudayaan dan Pelancongan (Unit 11 Tingkatan 4)

- a. **Format** : Tiada
- b. **Diharapkan calon dapat :**
Membincangkan kelebihan destinasi – destinasi pelancongan yang terdapat di seluruh dunia.
- c. **Kemungkinan :**
- i. Calon menghuraikan kelebihan-kelebihan satu destinasi pelancongan di sebuah negara sahaja – **Kepujian (66 – 79)**
 - ii. Calon menjelaskan kelebihan destinasi-destinasi pelancongan yang terdapat di Malaysia sahaja – **Baik (51 – 65)**
 - iii. Calon menghuraikan keistimewaan destinasi pelancongan secara umum tanpa memberi contoh – **Baik Bawah (51 - 57)**
 - iv. Calon hanya menceritakan pengalaman sendiri melancong ke sesuatu destinasi di luar negara – **Baik Bawah (51 – 57)**
 - v. Calon hanya menceritakan manfaat-manfaat melancong sahaja – **Memuaskan (36 -50)**
- d. **Isi cadangan :**
- i. Kepelbagaian budaya sesuatu negara/masyarakat di sesuatu destinasi - pakaian, makanan, adat warisan – (Jepun, Sepanyol)
 - ii. Mempunyai keunikan kesan sejarah/monumen/bangunan – Piramid di Mesir, Collaseum di Rome , Tembok besar China
 - iii. Adanya kehijauan kawasan hutan yang masih terpelihara – Amazon di Brazil, Hutan Belum di Malaysia.
 - iv. Kemasyhuran pusat beli-belah yang terkemuka - Harrods London, Paris
 - v. Keindahan pantai/terumbu karang/pulau - Gili Terawangan Bali, Krabi Thailand, Pulau Mabul Sabah.
 - vi. Kedinginan kawasan tanah tinggi/banjaran/gunung berapi yang mendamaikan.- Grand Canyon di Amerika, Air Terjun Niagara.
 - vii. Kehebatan taman tema bertaraf dunia – Universal Studio Singapura, Disneyland Hong Kong.
 - viii. Kecanggihan seni bina bangunan/menara – Menara Eiffel di Paris, Menara Kuala Lumpur di Malaysia, Menara Burj Khalifah di Dubai.
 - ix. Tempat pelancongan berasaskan keagamaan – ziarah umrah Mekah dan Madinah, Sungai Ganges, Tembok Besar China, wat di Thailand, candi Borobudur, Indonesia dan Kemboja.

SOALAN 5

Novel yang dihasilkan oleh penulis negara ini semakin mendapat tempat di hati masyarakat malahan novel tempatan kerap diadaptasikan menjadi sebuah drama atau filem untuk tontonan khalayak ramai.

Berdasarkan pernyataan di atas, berikan pendapat anda tentang manfaat-manfaat mengadaptasi novel dalam bentuk drama atau filem.

DIMENSI : MASYARAKAT
SKOP : Senario Masyarakat Kita (Unit 1 Tingkatan 4)

- a. **Format** : Tiada
- b. **Diharapkan calon dapat :**
- Membincangkan manfaat-manfaat mengadaptasi novel dalam bentuk drama atau filem dengan menyatakan tajuk novel tersebut.
- c. **Kemungkinan :**
- Calon menghuraikan drama/filem adaptasi daripada novel-novel lama – diterima
 - Calon menghuraikan manfaat mengadaptasi novel dalam bentuk drama/filem kepada penulis sahaja – Baik Bawah (51 - 57)
 - Calon menghuraikan drama/filem adaptasi daripada novel-novel Barat/asing – Kurang Memuaskan (21-35)
 - Calon menghuraikan aspek KOMSAS seperti tema, persoalan, watak dan perwatakan) - Kurang Memuaskan (21-35)
- d. **Isi cadangan :**
- Novel yang diterbitkan semakin laris jualannya.
 - Drama atau filem mendapat sambutan – kadar kepopularan tayangan drama meningkat.
 - Penerbit drama atau filem mendapat keuntungan.
 - Penulis mendapat royalti.
 - Lebih banyak penulis menghasilkan karya yang bermutu.
 - Stesen televisyen mendapat keuntungan daripada hasil tayangan.
 - Peminat membeli novel selepas menonton filem atau drama – menggalakkan budaya membaca.
 - Dapat memajukan industri perfileman tempatan ke peringkat antarabangsa – filem Hikayat Merong Mahawangsa
- e. **Contoh novel :**
- | | |
|-----------------------|------------------------|
| - Ombak Rindu | - Bukit Kepong |
| - Gemersik Kalbu | - Suamiku Encik Sotong |
| - Cinta 200% | - Adam dan Hawa |
| - Playboy itu suamiku | - Uda dan Dara |

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT